



PEJABAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

TEKS UCAPAN

YB DR. ZALIHA MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

SEMPENA

MAJLIS PENYAMPAIAN WATIKAH PELANTIKAN AHLI
ANGGOTA PERBADANAN DAN ANGGOTA MAJLIS PENASIHAT
PERBADANAN PEMBANGUNAN KAMPONG BHARU SESI
2024/2026

10 MEI 2024

PERBADANAN PEMBANGUNAN KAMPONG BHARU
KUALA LUMPUR

Terima kasih pengacara majlis.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ
وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ
الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berbahagia

Dato' Mohd Khay Ibrahim

Pengerusi Anggota

Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu

Yang Berbahagia

Dato' Indera Noridah Abdul Rahim

Ketua Pengarah

Jabatan Wilayah Persekutuan

Yang Berbahagia

Datuk Property Manager Surveyor Haji

Kamrulzaman Mat Salleh

Datuk Bandar Kuala Lumpur

Yang Berbahagia

Dato' Mohammad S. Ahmad

Pengerusi Majlis Penasihat

Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu

Yang Berusaha

Dr. Amir Raslan Abu Bakar

Ketua Pegawai Eksekutif

Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu

Ahli-ahli Anggota Perbadanan dan Ahli-ahli
Majlis Penasihat sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam
Malaysia MADANI.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya dapat kita bersama-sama pada pagi ini

dalam Majlis Penyampaian Watikah Pelantikan Ahli Anggota dan Ahli Majlis Penasihat Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu.

2. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada tuan-tuan yang dilantik sebagai Ahli Anggota dan Ahli Majlis Penasihat Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu.
3. Tanggungjawab yang diberikan ini, saya harapkan digalas dengan penuh tanggungjawab dan dedikasi bagi memastikan hasrat untuk melihat kawasan Kampong Bharu ini

dibangunkan seperti yang telah dirancang dapat direalisasikan.

Tuan-tuan dan Puan-puan para hadirin sekalian,

4. Kuala Lumpur merupakan sebahagian daripada Wilayah Konurbasi Nasional yang berperanan sebagai hab, koridor, dan juga pintu utama negara. Sudah tentunya, pembangunan Kampong Bharu yang terletak di pusat bandaraya ini memberi impak yang signifikan sebagai kawasan perbandaran dan pusat tumpuan.

5. Kesan pertumbuhan perbandaran dan ekonomi di Kuala Lumpur seperti dalam aspek perniagaan, perkhidmatan, transformasi sosial dan pertumbuhan penduduk juga turut akan memberi kesan kepada Kampong Bharu.

6. Sebagai salah satu pusat pertumbuhan utama di Kuala Lumpur, Kampong Bharu perlu memainkan peranan penting sebagai kawasan perdagangan dan penempatan yang dibangunkan secara bersepadu dan mampan. Ini termasuk menyediakan hartanah yang kompetitif, persekitaran yang dinamik, serta meningkatkan nilai ekonomi dan memastikan

keseimbangan dalam struktur sosial bagi semua golongan penduduk.

7. Sebagai salah satu dari pusat pertumbuhan utama di Kuala Lumpur, Kampung Bharu perlu berperanan sebagai kawasan perdagangan dan penempatan yang dibangunkan secara bersepadu dan mampan, menyediakan hartanah yang kompetitif, persekitaran yang vibrant, serta meningkatkan nilai ekonomi dan keseimbangan struktur sosial untuk semua golongan penduduk.

8. Di sinilah dimana Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu perlu memainkan peranan terhadap pembangunan di sini.

9. Potensi besar untuk Kampong Bharu dibangunkan semula tidak seharusnya dipersiapkan. Di peringkat Kerajaan, kami ingin melihat Kampong Bharu yang merupakan kawasan penempatan Melayu di tengah-tengah ibu kota ini tidak tertinggal dari arus pembangunan dek kerana pembangunan yang pesat dan moden yang berlaku di sekitarnya.

10. Kedudukan Kampong Bharu itu sendiri yang strategik seharusnya kita manfaatkan dan menjadikan sumber terbaik bagi pemilik dan pewaris untuk menjana ekonomi serta dalam masa yang sama menambahkan pendapatan mereka.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

11. Berkaitan isu di Kampong Bharu, baru-baru ini saya dan YB Dato' Seri Johari Ghani, Ahli Parlimen Titiwangsa merangkap Menteri Perladangan dan Komoditi telah berjumpa sendiri dengan pemaju dan penduduk. Alhamdulillah, kita telah mendapat satu kata putus yang pada saya positif.

12. Terima kasih juga saya ucapkan kepada DBKL kerana memudahkan proses menyediakan permit perobohan tersebut. Saya harap semua pihak, termasuk pihak PKB mengambil tindakan yang lebih proaktif, dengan memastikan semua keputusan yang telah diputuskan dalam mesyuarat baru-baru ini dilaksanakan mengikut tempoh yang telah kita tetapkan.

13. Dalam kita ghairah memikirkan berkenaan proses pembangunan di Kampong Bharu ini, indikasi sosial juga jangan kita kesampingkan. PKB perlu pantau rumah-rumah yang telah terbiar kerana pemilik telah keluar untuk

memberi ruang kepada pembangunan. Ini adalah kerana ada kemungkinan kawasan tersebut dijadikan tempat untuk menjalankan aktiviti-aktiviti yang tidak diingini dan tidak sihat seperti menjadi tempat penagihan dadah dan sebagainya.

Hadirin sekalian,

14. Saya memahami bahawa terdapat cabaran yang perlu dihadapi oleh pihak PKB dalam memastikan projek pembangunan Kampong Bharu ini direalisasikan. Sebagai contoh, stigma atau sentimen yang dimainkan seolah-olah hak Melayu akan tergadai dengan pembangunan semula Kampong Bharu ini. Sentimen seperti ini hanyalah

bertujuan untuk menyekat pembangunan dan semestinya akan mendatangkan kerugian kepada pemilik serta pewaris. Saya juga melihat ada golongan yang merasa selesa dengan status quo di Kampong Bharu. Golongan ini tidak merasakan usaha untuk membangunkan semula Kampong Bharu ini merupakan keperluan yang mendesak sebaliknya mereka memilih untuk berpendirian 'tunggu dan lihat'.

15. Sebagai contoh cabaran yang lain, seperti isu pemilikan berganda dengan purata 5 pemilik bagi satu lot. Ini menyebabkan berlakunya konflik antara pemilik atau pewaris terhadap

hak pemilihan dan beberapa cabaran-cabaran yang lain.

16. Namun begitu, pada pandangan saya, PKB perlu mencari satu solusi jangka pendek, sederhana dan panjang yang efektif untuk memastikan segala perancangan ini dapat direalisasikan dan segala isu yang berbangkit diselesaikan hingga ke akar umbi rakyat.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

17. Akhir kata, saya berharap peranan tuan-tuan yang baru sahaja dilantik ini dapat dimanfaatkan berdasarkan kepakaran masing-masing untuk

kemajuan pembangunan Kampong Bharu.

18. Sentiasa bertugas dengan memberi pandangan yang bernas dan berkhidmat dengan penuh integriti dengan berlandaskan tata kelola yang baik.
19. Saya juga ingin mengingatkan semua, baik yang lama dan yang baru untuk bersama-sama mendokong budaya kerja HARMONI (Hormat, Adil, Responsif, Mampan, Orientasi Rakyat dan Integriti) dalam berhadapan dengan semua pemegang-pemegang taruh kita.

20. Insyallah semoga Allah permudahkan semua urusan yang telah kita rancang ini dengan jayanya seperti yang telah ditetapkan.

Untuk itu, Sekian.

Wabillahi Taufiq Walhidayah
Wassalamu'alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.

Terima kasih.